

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI** Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pembekalan 3 ambulans yang telah dijanjikan 2 tahun lepas yang masih belum diperoleh oleh Hospital Kulim.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pembekalan ambulans, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menguruskan perolehan 490 buah kenderaan ambulans *Type B* beserta kelengkapan peralatan perubatan secara tender terbuka di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Daripada jumlah tersebut, dua (2) buah kenderaan ambulans adalah diperuntukkan bagi Hospital Kulim.
2. Kenderaan ambulans ini dijangka dapat diserahkan kepada pengguna secara berperingkat bermula pertengahan tahun 2022.

Sekian, terima kasih.